



08 JUN, 2026

Suami hargai bantuan semua pihak terlibat

Harian Metro, Malaysia



Tapah: Suami kepada pendaki wanita yang hilang di kawasan Gunung Batu Putih sejak 24 Mei lepas, Haszman Othman, 61, menyatakan penghargaan kepada semua pihak yang terbabit dalam operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) sehingga isterinya, Jaslinda Saludin, 49, ditemukan selamat kelmarin.

Haszman berkata, kejayaan operasi itu ialah hasil kerjasama pelbagai agensi termasuk polis, bomba, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan badan berkanun, serta masyarakat Orang Asli yang turut membantu sepanjang usaha pencarian dijalankan.

“Saya mengucapkan terima kasih kepada semua

Suami hargai bantuan semua pihak terlibat

yang terlibat, terutama pihak polis, bomba, NGO, badan-badan berkanun dan juga Orang Asli yang memberikan kerjasama cukup baik sepanjang operasi ini,” katanya ketika ditemui pemberita di Unit Kecemasan dan Trauma Hospital Tapah di sini, malam kelmarin.

Haszman turut merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang menyediakan penginapan dan sokongan

kepada keluarganya sepanjang 14 hari operasi SAR itu.

Berhubung tindakan seterusnya, Haszman berkata perkara itu bergantung pada laporan pihak kesihatan yang merawat isterinya ketika ini.

“Saya tahu orang rumah saya tabah. Saya tahu dia kuat (hadapi dugaan),” katanya ketika ditanya berkenaan keadaan Jaslinda sebaik berjaya dijumpai setelah dua minggu hilang. - BERNAMA